



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

**ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES**

**Edition: 15/2025**

# **APB REMBAU E-BULLETIN**

## **EDITORIAL BOARD**

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj  
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,  
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei  
Shahrul Muhazad Shahrudin  
Nadiah Yahyauddin

e-ISSN: 2682-776X

**PROJEK CGCT BERASASKAN  
PENILAIAN MEMBANTU  
MENINGKATKAN PENCAPAIAN  
PELAJAR**

Ditulis oleh: Azhani Almuddin, Syahirah Almuddin, Norshida Hashim, Mashitah Nordin, Mohd Islah Mohd Yusof

Projek *Collaborative Group: Collaborative Teaching* (CGCT) bagi kursus Bahasa Arab Permulaan Tahap III (TAC501) telah dilaksanakan sepanjang sesi semester Oktober 2024 hingga Februari 2025. Projek ini memilih model 3, Kolaborasi Penilaian Pentaksiran iaitu mengkhususkan kepada bentuk soalan ujian bertulis.

Projek ini telah dilaksanakan dengan rakan kolaborasi merentas kampus dan industri iaitu melibatkan pensyarah dari Akademi Pengajian Bahasa UiTM Shah Alam, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau serta rakan industri dari Darul Quran JAKIM. Rakan industri yang berkolaborasi dilantik sebagai penilai.

Penyediaan latihan ujian bertulis adalah berdasarkan topik pengajaran iaitu sebanyak lima topik yang terdapat di dalam buku teks TAC501. Lima orang ahli CGCT dipertanggungjawabkan untuk menyediakan set latihan mengikut topik berdasarkan

bentuk soalan penilaian ujian bertulis. Seterusnya, soalan-soalan tersebut dihantar kepada penilai untuk semakan dan penambahbaikan.

Setelah proses semakan selesai, setiap ahli perlu membuat penambahbaikan pada bahagian-bahagian tertentu berdasarkan cadangan dan komen dari penilai. Latihan ini kemudiannya dimuat naik ke dalam sistem *UFUTURE* untuk dimanfaatkan oleh setiap pelajar yang mendaftar subjek TAC501 di bawah setiap pensyarah yang merupakan ahli projek ini. Platform *UFUTURE* digunakan bagi membiasakan pelajar menjawab latihan kerana platform tersebut merupakan platform yang sama ketika menjawab ujian bertulis.

Pemilihan model 3 bertujuan untuk membantu pelajar membuat latihan, sekaligus membantu pelajar mengingat kosa kata mengikut topik yang dipelajari. Pembelajaran bahasa kedua melalui proses latihan dan pengulangan membantu meningkatkan kefahaman pelajar (Siti Hasnah & Muhammad Zuhair, 2022). Memandangkan ujian bertulis merangkumi keseluruhan topik yang terdapat di dalam buku teks, maka pelaksanaan projek ini sedikit sebanyak dapat dimanfaatkan oleh pelajar khususnya pelajar yang agak lemah dalam menguasai subjek ini. Selain daripada membiasakan pelajar dengan bentuk soalan yang meliputi semua topik

pembelajaran, projek ini juga membantu pelajar menguasai format soalan ujian sebenar kerana latihan yang dibangunkan menggunakan format soalan ujian sebenar. Proses latihan penilaian sebegini dapat memberi ruang perbincangan kepada para pelajar dengan rakan-rakan mereka, justeru membantu penguasaan pelajar dalam menghadapi ujian sebenar (Rocca, 2014).

Projek ini telah dilaksanakan dengan jayanya hasil kerjasama ahli CGCT yang terlibat. Malah, terdapat pensyarah yang memohon dan berminat untuk memanfaatkan latihan tersebut kepada pelajar dalam kelas mereka. Projek ini berhasrat untuk diperluaskan kepada pensyarah-pensyarah lain setelah penambahbaikan selesai dilaksanakan.

Diharapkan pada masa akan datang, projek kolaborasi sebegini lebih banyak dilaksanakan kerana komen dan cadangan dari kepakaran luar sangat berharga untuk tujuan penambahbaikan terhadap bahan pengajaran yang sedia ada. Dengan pelaksanaan projek kolaboratif berasaskan penilaian ini, diharapkan ia dapat memberi impak positif kepada pembangunan bahan pengajaran yang lebih berkesan dan relevan. Hal ini bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Hargreaves (2007) yang menyatakan bahawa pembelajaran dari penilaian kolaboratif sangat sesuai diterapkan kerana ia

menggalakkan penglibatan pelajar. Kerjasama antara ahli akademik dan pihak luar mampu membantu memperkukuhkan kualiti pengajaran dan pembelajaran agar setanding dengan kualiti pengajaran dan pembelajaran universiti luar UiTM, seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek yang diajar.

|                                                |                             |        |        |
|------------------------------------------------|-----------------------------|--------|--------|
| CGCT - TAC501 LATIHAN UJIAN BERTULIS (TOPIK 1) | DR. AZHANI BINTI ALMUDDIN   | TAC501 | Select |
| CGCT - TAC501 LATIHAN UJIAN BERTULIS (TOPIK 2) | MOHD ISLAH BIN MOHD YUSOF   | TAC501 | Select |
| CGCT - TAC501 LATIHAN UJIAN BERTULIS (TOPIK 3) | NORSHIDA BINTI HASHIM       | TAC501 | Select |
| CGCT - TAC501 LATIHAN UJIAN BERTULIS (TOPIK 4) | MASHITAH BINTI NORDIN       | TAC501 | Select |
| CGCT - TAC501 LATIHAN UJIAN BERTULIS (TOPIK 5) | DR. SYAHIRAH BINTI ALMUDDIN | TAC501 | Select |

Gambar 1: Paparan senarai soalan mengikut topik di UFUTURE

## Rujukan

Hargreaves, E. (2007). The validity of collaborative assessment for learning. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 14(2), 185–199.

<https://doi.org/10.1080/09695940701478594>

4

Rocca, C. L., Margottini, M., & Capobianco, R. (2014). Collaborative learning in higher education. *Open Journal of Social Sciences*,

2(2),61-66.

<http://dx.doi.org/10.4236/jss.2014.22009>

Siti Hasnah Zainal Abidin, & Muhammad Zuhair Zainal. (2022, Mei 17). *Latihan dan pengulangan bantu penutur kedua kuasai bahasa Melayu*. JendelaDBP.

<https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2022/05/17/3526/>